

# Pelajar UMP cipta straw daripada pokok kercut

Tumbuhan akuatik itu mesra alam,  
selamat digunakan, mudah diproses

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Inovasi menghasilkan penyedut minuman mesra alam daripada pokok kercut atau nama saintifiknya *Lepironia articulata*, ini sejenis tumbuhan akuatik yang banyak tumbuh di kawasan berpayau, mampu menggantikan straw plastik.

Perangas Kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Air dan Umrah (Unit Penyelidikan Pasirang (UMP)) Dr Suryati Sulaiman, berkata inovasi menggunakan pokok kercut atau pokok purun itu dihasilkan sekumpulan 10 pelajar diploma dan ijazah sarjana muda universiti itu.

Inisiatif itu, katanya, diusahakan susulan ketetapan kerajaan melarang penggunaan straw plastik secara berperingkat.

Beliau berkata, usaha pelajar Kelab Iskandar UMP menjalankan kajian terbahit mulai 2012 sebelum siap sepenuhnya pada tahun lalu, membawa hasil amat menggalakan apabila straw pokok kercut terbukti sesuai dan selamat digunakan, selain mesra alam.

"Setiap straw pokok kercut sesuai digunakan sekali saja. Lebih menarik, ia hanya mengambil masa antara satu hingga dua minggu untuk terasir secara semula jadi seperti tumbuhan pampai. Penghasilan straw pokok kercut yang mempunyai empat saiz itu membolehkan lapan proses," katanya.

Proses menghasilkan straw berkenaan termasuk membersihkan pokok, memotong mengikat saiz, memboang selaput dalam batang menggunakan sejenis boros dan memijam selama tiga hari. Bagi



Abdul Syukur (kiri) bersama pelajar yang berjaya menghasilkan straw pokok kercut mesra alam di majlis UMP Gandingan.

mencantikkan lagi straw, ia boleh diwarnakan dengan bahan dari pada tumbuhan seperti pokok pandan dan pokok inai.

Beliau yang juga penasihat utama projek berkenaan, berkata lebih banyak penyelidikan akan dilakukan pada masa depan dalam usaha menyedut sarapan kerajaan agar negara memiliki lebih banyak produk mesra alam.

Sementara itu, ketua kumpulan terbahit, Nurul Farah Anisa Hairulnizam, 21, berkata berikutan straw daripada pokok kercut de-

tingin panjang antara 18 hingga 20 sentimeter dan garis pusat antara dua hingga lima milimeter adalah sama dengan penyedut minuman plastik dalam pasaran kini.

"Sebelum ini, pokok kercut hanya diguna untuk menghasilkan kraf tangan, termasuk tikar, selain ubat-ubatan tradisional bagi membantu merawat beberapa penyakit seperti kencing manis," kata pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam ini.

Nurul Farah Anisa menjelaskan, selongkar diberikan Buatan

Siswa Darul Ta'zim (ISKANDAR) serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP yang menyediakan geran, membantu melancarkan lagi penyelidikan terbahit.

Katanya, panyuarah UMP, Dr Abdul Syukur Abd Razak yang berpengalaman luas dalam penghasilan produk mesra alam bertaraf antarabangsa, juga banyak membantu dalam usaha berkenaan, dengan hamparan straw pokok kercut dapat digunakan sepenuhnya di negara ini lagi menjelang alam sekitar daripada boros teramat.



BH TV



TERBAIK  
DI BENTONG

Fasa 1  
Habis Dijual  
Hanya Tinggal  
Lot Bumpufera